

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Dewasa ini, dunia berkembang maju dengan pesat, jadi tentunya kelemahan membaca akan menjadi halangan yang besar untuk menimba dan mencari ilmu pengetahuan yang berfaedah untuk kemajuan diri sendiri, bangsa dan negara. Memandangkan hakikat ini, dalam sukatan pelajaran bahasa, matlamat bahagian bacaan dan kefahaman mendedahkan murid-murid kepada berbagai-bagai jenis bahan bacaan untuk memperkaya pengetahuan mereka dan juga memperluas pengalaman dalam berbagai-bagai tulisan.

Amalan ini juga memantapkan kemahiran penulisan seseorang. Seseorang yang luas membaca dapat mengemukakan idea-ideanya secara teliti dan teratur. Sejarah juga membuktikan bahawa pembacaan dan literasi adalah kunci utama bagi pembangunan dan kemajuan sesuatu masyarakat. Tambahan lagi masyarakat maju adalah masyarakat yang sentiasa membaca. Justeru, amalan pembacaan yang merupakan kunci khazanah ilmu dan pengetahuan menjamin kehidupan yang selesa bagi seseorang. Selain itu, tabiat membaca yang diamalkan oleh seseorang akan membantunya menikmati keindahan kata-kata dan rima yang digunakan dalam sesuatu penulisan.

Dalam penguasaan bahasa, bacaan merupakan kemahiran intelektual yang utama menjadi asas ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran bertindak menerusi

kemahiran berfikir. Ini secara tidak langsung membentuk keperibadian seseorang. Sebagai persediaan menghadapi masa depan, seseorang perlu dilatih menjadi pembaca yang kritis terhadap setiap maklumat yang dibaca serta menyelesaikan masalah harian mereka. Untuk itu, mereka perlu mahir mentafsir, menganalisis, menyesuaikan diri dan menyelesaikan masalah dengan menggunakan kemahiran berfikir yang ditelaah menerusi pembacaan.

Ini memperihalkan kepentingan bacaan dalam perkembangan emosi, rohani, intelek serta sahsiah dalam kehidupan manusia khususnya murid-murid. Oleh itu, murid-murid perlu menguasai kemahiran membaca ini sejak kecil lagi. Lantaran itu, penyelidik ingin membuat satu kajian tentang kemahiran membaca di kalangan murid-murid sekolah jenis kebangsaan Tamil.

## **1.1 Latar belakang Kajian**

Memandangkan kepada keperluan dan kepentingan bacaan tadi, banyak kajian telah dilakukan di luar negara. Di Amerika Syarikat kajian berkaitan bacaan telah bermula sejak abad ke 19 lagi. Mereka telah meneroka kaedah-kaedah baru dalam dunia pendidikan amnya dan pembacaan khasnya. Mereka berdebat di antara satu sama lain untuk mempertahankan keunggulan kaedah masing-masing. Ini menunjukkan kehebatan mereka dalam penyelidikan-penyelidikan tentang bacaan. Keadaan ini timbul kerana mereka sedar bahawa bacaan merupakan asas kepada segala ilmu dan ilmu itu akan mendorong mereka untuk menemu dan mencipta sesuatu yang baru samada dalam bidang sains ataupun bidang-bidang lain.

Menyedari hal ini Kerajaan Malaysia berhasrat untuk meningkat dan memajukan sikap membaca di kalangan rakyat Malaysia. Justeru, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka dan melaksanakan pembacaan teratur dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang mula dilaksanakan pada tahun 1983. Sejak pelaksanaan KBSR, banyak kajian telah dilakukan secara individu individu dan dalam kumpulan. Pengkaji-pengkaji ingin mengenal pasti atau menambahbaik kaedah-kaedah yang sesuai dan baru dalam pengajaran bacaan di sekolah-sekolah kita. Hasil-hasil dapatan telah dijadikan sebagai landasan untuk meneroka dan mengubahsuai kaedah yang sedia ada demi meningkatkan mutu bacaan di sekolah-sekolah. Kajian-kajian yang dilakukan di negara kita banyak tertumpu kepada bacaan di sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah.

Walaupun begitu, tidak ramai pengkaji yang melakukan kajian mengenai kaedah membaca seimbang terutama di kalangan murid-murid sekolah rendah. Sehingga kini, di negara kita terdapat hanya satu kajian tentang bacaan seimbang. Kajian itu dilakukan oleh Baharuddin Hj. Hasan pada tahun 2003. Kajiannya berkisar pada pengajaran kaedah membaca seimbang di Sekolah Rendah Perempuan Methodist, Raun, Pahang. Di Malaysia, selain daripada kajian itu, pada pengetahuan penyelidik tiada kajian lain tentang kaedah membaca seimbang.

Pada pendapat penyelidik, tidak terdapat kajian tentang kaedah membaca seimbang dilakukan di sekolah-sekolah rendah terutamanya di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil. Keadaan ini mendorong penyelidik untuk mengkaji keberkesanan kaedah membaca seimbang di kalangan murid tahun satu di sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil.

Ekoran daripada dorongan di atas, sebelum memulakan kajian pengkaji telah melakukan ujian rintis untuk mengenal pasti tahap bacaan murid-murid tahun satu pada akhir tahun 2003 di Sekolah Jenis Keangsaann Tamil Sungai Renggan, Shah Alam. Penyelidik telah memilih 10 orang murid secara rawak daripada kelas yang dianggap lemah. Penyelidik mendapati 7 (70%) orang murid kurang menguasai kemahiran membaca. Ada di antara mereka yang tidak boleh membaca dengan lancar. Terdapat 4 (40%) orang murid yang tidak kenal banyak huruf yang sepatutnya mereka kuasai.

Ekoran dari itu, pengkaji menemubual beberapa orang guru secara rawak. Mengikut pandangan mereka, terdapat banyak kelemahan mengapa seseorang pelajar itu tidak dapat menguasai kemahiran membaca. Di antaranya ialah.

- (i) Murid kurang menumpukan perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan.
- (ii) Terdapat ramai murid dalam sesuatu kelas menyebabkan guru tidak dapat memberi perhatian individu kepada setiap pelajar.
- (iii) Terpaksa menghabiskan sukatan sebelum akhir tahun menyebabkan tindakan susulan kurang diberi perhatian selepas sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan.
- (iv) Terdapat murid yang tidak pernah ke tadika sebelum memasuki tahun satu menyebabkan mereka sukar menyesuaikan diri dengan alam sekolah. Ini menyebabkan mereka berasa malu dan rendah diri apabila berlaku kesilapan semasa membaca. Keadaan ini melemahkan semangat mereka untuk terus membaca.

Pada amnya keadaan ini mendorong penyelidik menjalankan satu kajian untuk mengenal pasti keberkesanan kaedah Bacaan Seimbang dikalangan murid-murid tahun satu di sebuah sekolah jenis kebangsaan Tamil. Penyelidik juga ingin tahu samada pendekatan Bacaan Seimbang boleh menjadi satu penyelesaian bagi guru-guru bahasa di sekolah jenis kebangsaan Tamil. Dengan kajian ini diharapkan murid-murid terutama murid-murid yang lemah dalam pembacaan, dapat melibatkan diri dengan lebih aktif dalam aktiviti-aktiviti membaca.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Walaupun Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah memberi penekanan kepada kepentingan bacaan, tetapi masih terdapat murid yang tidak boleh membaca dengan lancar. Pelbagai kaedah dan teknik telah ditemui dan dicuba untuk meningkatkan tahap bacaan di kalangan pelajar-pelajar. Akan tetapi kaedah-kaedah ini tidak dapat memenuhi keperluan membaca semua pelajar. Kajian perlu dilakukan untuk mencari suatu kaedah yang lebih sesuai supaya peratus murid yang boleh membaca dapat diperingkatkan berbanding dengan kaedah sekarang.

Kaedah pembacaan yang digunakan di sekolah-sekolah adalah pendekatan berasaskan kepada maksud (*meaning based approach*) yang memberi penekanan kepada kefahaman dan pengayaan. Kaedah ini mungkin kurang sesuai untuk semua murid dalam sesebuah kelas terutama kelas-kelas yang mempunyai ramai murid lembab, murid-murid di luar bandar serta kawasan pedalaman. Jika kelemahan ini tidak diatasi dengan segera maka hasrat KPM dalam pembacaan mungkin tidak akan tercapai sepenuhnya.

Lantaran itu pengkaji berpendapat perlu membawa suatu perubahan dalam kaedah mengajar bacaan. Mungkin kaedah membaca seimbang ini akan membantu murid untuk meningkatkan minat dalam pembacaan. Justeru, pengkaji ingin mengetahui keberkesanan kaedah membaca seimbang dan sama ada kaedah ini dapat menarik minat serta meningkatkan kebolehan membaca di kalangan murid-murid tahun satu di sekolah jenis kebangsaan Tamil.

### **1.3 Ujian Rintis**

Untuk mengetahui keadaan sebenar kualiti bacaan penyelidik telah menjalankan satu ujian rintis. Penyelidik telah menjalankan ujian rintis pada 25 April 2003 kepada murid-murid terpilih secara rawak tahun dua di sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil Sungai Renggam, Shah Alam. Ujian tersebut mengandungi sepuluh ayat. Ayat satu hingga tiga mempunyai empat patah perkataan, ayat empat hingga ayat enam mempunyai enam patah perkataan dan ayat tujuh hingga ayat sepuluh mempunyai lapan patah perkataan. Dalam kajian ini penyelidik mendapati 7 (70%) orang murid kurang menguasai kemahiran membaca. Ada di antara mereka yang tidak boleh membaca dengan lancar. Terdapat 4 (40%) orang murid yang tidak kenal banyak huruf yang sepatutnya mereka kuasai. Ayat-ayat yang digunakan dalam ujian rintis dilampirkan. (Sila lihat lampiran G) Di samping itu, penyelidik juga menemubual tiga orang guru yang mengajar Bahasa Tamil untuk maklumat lanjut mengenai penguasaan bahasa murid-murid tahun satu. Daripada kajian ini penyelidik mendapati:-

- (i) Murid-murid kurang menumpukan perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan.
- (ii) Terdapat ramai murid dalam sesuatu kelas menyebabkan guru tidak dapat memberi perhatian individu kepada setiap pelajar.
- (iii) Terpaksa menghabiskan sukatan sebelum akhir tahun menyebabkan tindakan susulan kurang diberi perhatian selepas sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan.
- (iv) Terdapat murid-murid yang tidak pernah ke tadika sebelum memasuki tahun satu menyebabkan mereka sukar menyesuaikan diri dengan alam persekolahan. Ini menyebabkan mereka berasa malu dan rendah diri apabila berlaku kesilapan semasa membaca. Keadaan ini melemahkan semangat mereka untuk terus membaca.

Oleh sebab terdapat kelemahan dalam bacaan murid-murid tahun dua penyelidik berpendapat mungkin kaedah yang digunakan oleh guru-guru bahasa kurang sesuai. Oleh itu penyelidik ingin mengetahui sama ada kaedah membaca seimbang dapat menambahbaik kelemahan dan kekurangan dalam bacaan murid-murid.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan kaedah membaca seimbang di kalangan murid-murid tahun satu di salah sebuah sekolah jenis kebangsaan Tamil di daerah Petaling. Kajian ini dijalankan dengan objektif-objektif berikut:-

- (i) Mengenal pasti keberkesanan kaedah membaca seimbang (Balanced Reading Instruction) di kalangan murid-murid tahun satu SJK Tamil berbanding dengan kaedah membaca tradisional.
- (ii) Mengenal pasti tahap membaca di kalangan murid tahun satu SJK Tamil berdasarkan fonem selepas eksperimen.
- (iii) Mengenal pasti tahap membaca di kalangan pelajar tahun satu SJK Tamil berdasarkan suku kata selepas eksperimen.
- (iv) Mengenal pasti tahap membaca di kalangan pelajar tahun satu SJK Tamil berdasarkan seluruh kata selepas eksperimen.

### **1.5 Soalan Kajian**

Berdasarkan kepada objektif-objektif di atas, kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- (i) Adakah terdapat peningkatan dalam kemahiran membaca di kalangan murid-murid tahun satu di SJK Tamil selepas menggunakan kaedah membaca seimbang?
- (ii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi sebutan fonem antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen?
- (iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi bacaan suku kata antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen?
- (iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dari segi bacaan seluruh kata antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen?



## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini menjadi perintis kepada kajian-kajian yang lebih mendalam tentang kaedah-kaedah membaca di kalangan murid sekolah rendah. Para pengkaji dapat mencadangkan langkah-langkah yang lebih berkesan supaya pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkualiti dan berkesan dapat dirancang. Diharapkan dengan kajian-kajian lanjut tentang kaedah membaca seimbang dapat melahir dan membentuk sebuah masyarakat pelajar yang mendahagakan ilmu.

Tabiat membaca pada usia yang awal merupakan teras dalam perkembangan ilmu pengetahuan murid-murid. Hasil kajian ini akan dapat membantu mengenal pasti tahap bacaan mereka pada tahap awal di sekolah jenis kebangsaan Tamil. Di samping itu kaedah membaca seimbang juga memberi peluang luas kepada murid untuk menilai tahap bacaan sendiri. Ini memberi peluang kepada mereka untuk memperbaiki pencapaian bacaan dari semasa ke semasa.

Pengetahuan dalam kaedah ini juga akan membantu para pendidik khususnya yang mengajar mata pelajaran bahasa. Mereka dapat mengamalkan kaedah ini untuk meningkatkan kemahiran pembacaan di kalangan murid-murid sekolah rendah. Mereka juga dapat merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut kebolehan murid-murid supaya dapat melahirkan generasi yang gemar membaca sejak kecil lagi.

Pihak sekolah pula boleh menggunakan hasil kajian ini untuk mengenal pasti kekuatan kaedah membaca seimbang dan menilai tahap penguasaan membaca di

kalangan murid tahun satu. Kaedah ini juga akan memberi peluang kepada jawatankuasa panitia bahasa untuk merancang aktiviti-aktiviti pengayaan dan pemulihan di sekolah.

Penyelidik juga berharap hasil kajian ini dapat membantu Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merangka dan merancang aktiviti-aktiviti bacaan yang dapat dimiliki oleh bakal guru yang menjalani kursus Diploma Pendidikan. Ini mungkin akan memudahkan mereka melaksanakan kaedah yang lebih sesuai dan terkini dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah kelak.

Diharap hasil Kajian ini akan memberi sedikit sebanyak input kepada pihak Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) yang merancang sukatan pelajaran bagi mata pelajaran bahasa yang sesuai khususnya bagi bidang bacaan.

Penulis-penulis buku teks dan buku latihan dapat memanfaatkan hasil kajian ini untuk memasukkan aktiviti-aktiviti baru dalam buku panduan guru. Selain itu mereka juga dapat menemui aktiviti-aktiviti yang sesuai dalam pengajaran bacaan bagi murid-murid sekolah rendah. Para penulis buku dapat memanipulasikan kaedah membaca seimbang ini untuk melahirkan murid-murid yang gemar membaca.

## **1.7 Batasan kajian**

Kajian ini hanya mengkaji keberkesanan kaedah membaca di kalangan murid-murid tahun satu di sekolah jenis kebangsaan Tamil sahaja. Sampel kajian yang terlibat adalah terdiri daripada murid-murid tahun satu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Sungai Renggam, Shah Alam, Selangor. Sampel dalam kajian ini mungkin tidak dapat mewakili populasi pelajar tahun satu seluruh negara. Lantaran itu hasil dapatan juga tidak

dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan murid-murid sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil.

Kajian ini hanya tertumpu kepada sebutan fonem, bacaan suku kata dan bacaan seluruh kata sahaja. Aspek-aspek lain dalam bidang bacaan tidak diberi penekanan.

Untuk mengelakkan kekeliruan dan untuk mendapatkan hasil kajian yang tulin pengkaji sendiri akan bertindak sebagai tenaga pengajar. Kemungkinan kaedah pengajaran ini tidak sesuai atau kurang sesuai kepada guru-guru di sekolah yang memenuhi kehendak sukatan pelajaran.

Penyelidik telah menggunakan modul-modul pengajaran yang disediakan oleh penyelidik sendiri sebagai bahan pengajaran selepas mendapat pandangan penyelia. Penggunaan modul-modul ini hanya sesuai untuk kajian ini sahaja dan tidak melibatkan modul-modul yang disediakan oleh guru-guru biasa.

Kajian ini hanya dijalankan selama dua belas waktu pengajaran. Tempoh masa yang digunakan adalah singkat menyebabkan kajian ini tidak dapat memberi kesan yang menyeluruh tetapi lebih merupakan kajian berbentuk 'exploratory'.

## **1.8 Definisi operasional**

### **1.8.1 Kaedah**

Menurut Arbak Othman (1985), dipetik daripada Raja Mukhtaruddin (1980), kaedah adalah cara keseluruhan mengajar bahasa bagi mencapai tujuan-tujuan tertentu melalui prinsip-prinsip tertentu yang telah diterapkan oleh sesuatu kaedah tersebut. Dalam pengajaran bahasa kaedah pengajaran bacaan adalah berbeza dengan kaedah pengajaran kemahiran bertutur dan menulis. Walaupun

pelbagai kaedah diutarakan untuk pengajaran bacaan, untuk tujuan kajian ini hanya kaedah membaca seimbang digunakan.

Kaedah yang dimaksudkan dalam kajian ini hanyalah kaedah pengajaran yang menekankan kepada pengajaran fonem dan juga suku kata. Penggunaan latih tubi akan menjadi tumpuan utama semasa pengajaran dan pembelajaran dilakukan.

### **1.8.2 Membaca**

Membaca bukan sekadar mengetahui jumlah bacaan tetapi mesti mengikuti teknik-teknik atau kaedah-kaedah yang tertentu. Menurut Mahzan Arshad(2000),

*'...pembaca mengatur satu persiapan yang tersusun bagi memberikan makna terhadap teks yang dibacanya berasaskan apa yang diketahuinya tentang sesuatu petikan yang dibacanya dan objektif bacaannya'*

Haruslah memahami bahawa membaca bukanlah satu proses yang melibatkan kemahiran-kemahiran kecil tetapi interaksi serentak pelbagai maklumat untuk tujuan membaca. Proses ini bermula dengan pencapaian makna yang memerlukan penggunaan pelbagai sumber, termasuklah huruf untuk membentuk makna. Proses interaksi dan peredaran maklumat antara pembaca dan teks, adalah asas memahami bahan bacaan.

Bagaimanapun, bagi maksud kajian ini membaca dibataskan kepada membunyikan huruf-huruf serta dapat membaca perkataan yang terdiri daripada dua sukukata dan tiga sukukata sahaja dan memberi maksud kepada perkataan dibacanya.

### 1.8.3 *Membaca seimbang*

Kaedah membaca seimbang secara amnya merupakan kombinasi fonik dan seluruh kata. Para pengkaji dan pendidik merasakan kanak-kanak perlu latihan dalam kedua-dua aspek fonik dan seluruh kata di mana dapat membangunkan bunyi huruf serta merangka strategi-strategi melalui pembelajaran mendekod teks dan pemahaman bahan bacaan. (Kelly, 1997). Carbo (1996) pula mengatakan bahawa,

*“Students have different learning styles. The ‘analytic and auditory students,’ in particular, benefit from phonics instruction; students with ‘visual, tactile and global learning’ tend to profit from a whole language approach.”*

Pendapat beliau pula disokong oleh Raven (1997) yang menyatakan bahawa pemerolehan bacaan dalam pelbagai peringkat yang berlainan (pemilihan kiu, mengeja bunyi, dan automatik) memerlukan pendekatan yang berbeza, terutamanya pada peringkat mengeja bunyi, kaedah fonik adalah sangat penting dan berkesan.

Bagi maksud kajian ini, kaedah membaca seimbang hanya tertumpu kepada pengajaran fonem, sukukata serta seluruh kata sahaja. Latihan pengajaran dan pembelajaran lebih menekankan kepada latihan latih tubi dalam aspek fonem, sukukata dan seluruh kata sahaja. Murid-murid akan diajar cara membunyikan huruf, cara membaca perkataan yang mengandungi dua sukukata dan tiga sukukata serta memberi maksud kepada perkataan yang dibacanya sahaja. Keberkesanan kaedah membaca seimbang akan diuji selepas ujian pos dijalankan.

## 1.9 Kesimpulan

Pada amnya boleh dikatakan bahawa pendekatan membaca seimbang memberi penekanan kepada bagaimana murid-murid membunyikan huruf, sukukata, seluruh kata dan memberi maksud perkataan ketika membaca. Pendekatan ini memberi penekanan kepada gabungan fonem dan seluruh sukukata. Ini membantu murid-murid menguasai makna perkataan dengan cepat serta boleh membaca sesuatu bahan dengan cepat dan lancar. Ini secara tidak langsung akan menggalakkan minat mereka untuk terus membaca pelbagai bahan bacaan.